

# Tiada hubungan diplomatik dengan Israel



KUALA LUMPUR 5 Ogos — Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel selagi negara berkenaan tidak menunjukkan sikap jujur dan ikhlas dalam menangani isu Palestin, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun menurut beliau, Malaysia tidak mempunyai pendirian yang keras dengan terus mengamalkan dasar lama terhadap sesuatu negara walaupun negara berkenaan telah mengalami perubahan.

"Soal Baitulmuqaddis merupakan satu sebab kenapa kita tidak boleh mengadakan hubungan dengan Israel."

Kalau keadaan tertentu berlaku maka kita akan iktiraf...kalau tidak, mungkin sampai kizmat pun kita tidak akan mengadakan hubungan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Pemimpin-Pemimpin Muda Asia Timur yang pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

11-0 AUG 1994